

번역
Penerjemahan
Pagsasaling-wika
Terjemahan
Elite
Natatatangi
एलिट
एलिट
एलिट
एलिट



ELITE | ASIA
TRANSLATIONS

CLARITY CONTEXT CONVICTION

ELITE Translations Asia menawarkan perkhidmatan komunikasi seperti terjemahan bertulis, transkripsi dan terjemahan lisan dalam beberapa bahasa utama Asia. Adalah menjadi matlamat kami untuk membantu anda mengukuhkan perniagaan anda dalam komuniti yang bertutur bahasa Asia di samping mengekalkan imej dan suara yang membezakan perniagaan anda daripada pesaing lain. Tidak kira sama ada menghasilkan bahan untuk pelanggan baru yang bertutur bahasa lain atau menterjemah untuk tujuan komunikasi perniagaan dalaman yang mempunyai pelbagai latar belakang tenaga kerja, terjemahan jelas dan tepat akan membantu mengembangkan peluang perniagaan anda.

SENI TERJEMAHAN TERUNGGUL

KEJELASAN

Kami memastikan bahasa ringkas dan mudah difahami supaya mesej yang cuba disampaikan dalam bahasa sasaran bertepatan dengan bahasa asal.

BERWIBAWA

Penterjemah kami memiliki kepakaran dalam bahasa dan budaya bahasayang diterjemahkan. Kami mengambil teks dari konteks asal dan menterjemahkannya ke dalam konteks selari yang bermakna untuk pelanggan sasaran anda.

KEYAKINAN

Nada suara dan kekuatan keyakinan terhadap teks asal dikekalkan dalam teks yang diterjemah. Kami berusaha sedaya upaya untuk menghubungkan mesej yang ingin disampaikan oleh anda.

Kami membantu anda mentakrifkan perniagaan dan identiti anda, menonjolkan jenama anda ke dunia luar.

Dalam komuniti global di mana setiap orang hampir-hampir boleh didatangi, penghalang paling besar kepada komunikasi penuh yang masih kekal adalah bahasa. ELITE Translations Asia membantu menyampaikan mesej anda. Kami berusaha untuk anda dan perniagaan anda untuk difahami: keyakinan anda diluahkan dengan penuh kejelasan, mengikut kehendak anda.

ELITE Translations Asia boleh membantu anda menterjemah bahasa-bahasa berlainan serta mewujudkan bahan baru yang diperlukan untuk perniagaan anda dalam mana-mana bahasa kepakaran kami. Kami dilengkapi dan bersedia membantu anda dalam keperluan terjemahan dan penulisan iklan anda dalam (tetapi tidak terhad kepada) Bahasa Cina (mudah dan tradisional), Bahasa Melayu, Bahasa Indonesia, Burma, Khmer Kemboja, Bahasa Inggeris (British dan Amerika), Jepun, Korea, Thai, Tagalog, Tamil dan Vietnam.

Anda boleh mendapatkan khidmat jurubahasa untuk membantu anda semasa acara masa nyata di mana komunikasi merentasi bahasa diperlukan. Jurubahasa kami responsif, pintar dan dilengkapi dengan etika dan bahasa perniagaan. Sewaan Peralatan Alih Bahasa boleh disediakan untuk program seperti mesyuarat korporat besar, apabila anda memerlukan terjemahan dilakukan dengan efisien dan mudah secara beramai-ramai.

Penterjemah, jurubahasa dan rakan penulis kami memiliki pemahaman bahasa yang mendalam dan fungsi utamanya, iaitu untuk menerangkan makna. Kami membantu anda mentakrifkan perniagaan dan identiti anda, menonjolkan jenama anda ke dunia luar. Kami meluangkan masa untuk mengenali anda dan perniagaan anda dan cara pengendalian perniagaan anda supaya dapat menghasilkan susunan ayat bermakna yang menyampaikan intipati jenama anda.

Jelas Menerangkan
명확 明瞭
정확 精確
Jelas Menerangkan
정확 精確
Tepat
확실 確實
Makahuludan
정확 精確
Makahuludan
정확 精確
Benar
확신 確信
Meyakinkan
확실 確實
Meyakinkan
정확 精確

TAWARAN UTAMA

TERJEMAHAN

Kami menterjemah dokumen perniagaan yang dikhususkan untuk pelanggan serta bahan yang dikhususkan untuk komunikasi dalaman syarikat. Terjemahan yang baik bermaksud komunikasi yang baik, merangsang pertumbuhan yang disebabkan oleh perhubungan lebih baik dengan pelanggan anda dan dalam syarikat anda.

TRANSKRIPSI

Kami mempunyai penutur bahasa mahir yang mampu menyampaikan format yang boleh dibaca untuk fail audio anda. Transkrip boleh disalin dari semua format media utama termasuk tetapi tidak terhad kepada AVI, WAV malahan pita kaset mikro.

PENULISAN IKLAN

Kami membantu anda mentakrif, menyatakan dengan jelas dan melabelkan aspek-aspek perniagaan anda. Kami juga menawarkan perkhidmatan suntingan dan baca pruf untuk membantu anda menambah baik dokumen perniagaan sedia ada anda.

PENGGHUSUSAN INDUSTRI UTAMA

ELITE Translations Asia boleh disesuaikan dan menangani rangkaian perniagaan dan perkhidmatan khusus yang meluas. Kami mengatur pertemuan dan temuduga untuk memahami perniagaan dan keperluan anda supaya kami dapat memberikan kandungan teks yang jelas dan lengkap mengikut kemahuan anda. Kami mempunyai pengalaman dalam bidang seperti pendidikan, seni bina dan pembinaan, perkilangan, makanan dan minuman, penyelidikan, sains dan banyak lagi.

Kami mempunyai komitmen kukuh untuk menjadikan ikatan global lebih utuh melalui komunikasi yang lebih baik. Sebagai sebahagian daripada sokongan sosial, kami menyediakan pakej khas untuk organisasi bukan berasaskan keuntungan.

Sebahagian daripada pelanggan kami termasuk DBS, Crocs, Meritus Hotels & Resorts, Intercontinental Hotels Group, Standard Chartered Bank, Petronas, Robinson Group, Urban Redevelopment Authority (URA), Lee Kuan Yew School of Public Policy, ExxonMobil, Singtel, Singapore Tourism Board, Jetstar, NUS, Nestle, Johnson & Johnson, Procter & Gamble, HP, Givenchy, Subway, TNT, National Healthcare Group dan Singapore Airlines.

HUBUNGAN DENGAN DUNIA ASIA

ELITE Translations Asia telah ditubuhkan dengan asas yang kukuh. ELITE Translations Asia yang beribu pejabat di Singapura, memiliki penterjemah dan penulis di kota raya-kota raya strategik Asia. Kebanyakan penterjemah kami mempunyai pengalaman dibesarkan dalam komuniti berbilang bahasa. Ini bermakna mereka telah biasa membaca dalam dua atau lebih bahasa sebagai sebahagian daripada pengalaman yang luas. Ini menjamin teks terjemahan yang lebih tulen dan bermakna.

Perniagaan di luar Asia akan mendapati bahawa perkhidmatan terjemahan kami mempunyai banyak kelebihan, kerana kami mempunyai pemahaman lebih baik tentang bahasa sasaran anda berbanding penterjemah lain yang mungkin telah mempelajari bahasa mengikut kaedah persekolahan rasmi.

Menjadi sebuah syarikat multinasional merupakan suatu cabaran, tetapi kami "mengotakan apa yang dijanji" kerana kami bekerjasama, tidak terikat dengan budaya dan bahasa, komited terhadap perniagaan dalam usaha mereka ke arah komunikasi lebih baik kepada pelanggan dan rakan niaga bahasa lain.

ASAS SIKAP

Kami berusaha sedaya upaya supaya mesej anda sampai kepada penutur bahasa lain. Ini bermakna kami menjalankan penyelidikan yang diperlukan dan bertanyakan soalan sewajarnya untuk membantu anda menentukan bahan maklumat yang dikehendaki untuk terjemahan.

Kami memberi tugas kepada penterjemah yang teliti yang arif dengan bahasa asal dan sasaran.

Kami mengenakan bayaran yang tinggi atas faktor kebudayaan dalam terjemahan kami, menyebabkan penyepaduan antara teks asal dan sasaran, tanpa perasaan tampal cantum robotik terjemahan mesin.

Matlamat utama kami adalah untuk menggalakkan komunikasi lebih baik antara penutur bahasa berlainan dengan terjemahan seteliti yang mungkin supaya dapat menyampaikan mesej dalam bahasa sasaran mengikut kehendak bahasa asal.

Kewujudan kami adalah untuk menyempurnakan Seni Terjemahan Terunggul.

KAMI PERCAYA

ELIT

Kami cenderung bersifat tegas dalam memilih penterjemah tetapi ia bertepatan dengan elitisme kami. Kami percaya bahawa pernyataan tertinggi kami adalah untuk menjadikan bahasa boleh didatangi kepada anda supaya anda boleh mewujudkan sebanyak mungkin hubungan baru ke dalam rangkaian perniagaan anda.

KEPIMPINAN

Kami percaya dalam kerja keras, membangunkan sifat dan strategi yang akan diikuti oleh orang lain. Kami berpendirian bahawa bahagian kepimpinan yang kukuh adalah membolehkan rakan niaga, seperti anda.

INTEGRITI

Kami percaya dalam mendukung komitmen kami terhadap terjemahan bahasa sebagai satu alat untuk menyampaikan maksud. Kami dengan rendah diri mengakui bahawa bahagian besar komunikasi adalah melakukan apa yang kita ucapkan.

KEPERCAYAAN

Kami percaya bahawa kepercayaan yang diberikan oleh pelanggan kami perlu dipelihara dengan baik. Kami percaya dalam membangunkan perhubungan kerja yang kukuh untuk jangka masa panjang.

KECEMERLANGAN

Kami percaya bahawa ketelitian dan kehematan dalam kerja kami adalah penting dalam menghasilkan kerja yang jitu dan tepat. Kami percaya bahawa produk akhir dalam mana-mana perkhidmatan kami harus selalu menggalakkan komunikasi lebih baik untuk perniagaan anda secara dalaman, atau dengan pelanggan anda.

Menyediakan perkhidmatan berkaitan bahasa di Asia adalah kepakaran kami. Pemahaman dan kepakaran kami dalam melayari khalayak yang berbilang budaya – terutamanya di wadah tumpuan kota metropolitan moden Asia – merupakan sandaran pelanggan kami. Hubungi kami untuk mengetahui cara yang terbukti untuk mengukuhkan perniagaan anda..

Ibu pejabat di Singapura:

2 Jurong East Street 21, #03-117, IMM Building, Singapura 609601

Telefon: +65 6565 7166

Faks: +65 6565 9340

Talian Utama: +65 9068 0212

Skype: sales.elitetrans

E-mel: EliteAsia@EliteTranslations.asia